



Mary Yap (kiri) mendengar penerangan daripada peserta **SME Bank Y-Biz Challenge 2013** di Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO: KAMARUZZAMAN ASOFFEN/BER)

SMK St Michael juara inovasi SME

✶ *'Easy Pouring Set'* jimat masa, tenaga

Oleh **Nas Norziela Nasbah**

nasnorziela@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Rekaan set minuman ringkas tetapi menjimatkan masa dan tenaga, membawa tuah kepada pasukan dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Michael, Penampang, Sabah, apabila muncul juara inovasi usahawan muda, SME Bank Y-Biz Challenge 2013.

Inovasi 'Easy Pouring Set', membolehkan 10 cawan diisi minuman seren-

tak dengan sekali tuang, dan bermanfaat ketika menguruskan hidangan untuk tetamu di rumah atau kegunaan industri seperti restoran dan hotel.

Diperbuat daripada tanah liat

Ketua pasukan SMK St Michael, Chelsea Feeley Bacheck, 16, berkata kekuatan inovasi mereka adalah masa serta tenaga yang digunakan singkat dan mudah.

"Set minuman ini dihasilkan mengguna tanah liat atau bukah, juga dapat membantu meningkatkan pendapatan pengusaha tembikar dan bukah tempatan jika dikomersialkan," katanya selepas majlis penyampaian hadiah SME Bank Y-Biz

Challenge 2013 di sini, semalam.

Pasukan SMK St Michael yang membawa pulang hadiah RM20,000 serta tiket penerbangan bernilai RM25,000 serta piala pusingan itu turut dibarisi oleh Galedine Lind Moosyun, 16; Carisson Paddy Edwin, 16; dan Jovi Jvinzol Moosum, 15.

Majlis penyampaian itu disempurnakan Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kain Ching.

Turut hadir, Pengarah Urusan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank), Datuk Mohd Radzif Mohd Yusof, dan Pengurus Besar Kanan Majlis Beka Bentuk Malaysia, Futom Shikh Jaafar.

